Kesihatan di tempat kerja merupakan salah satu aspek penting yang dititikberatkan oleh Jabatan Keselamatan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) selain daripada aspek keselamatan. Kesan dari isu kesihatan yang tidak dikawal di tempat kerja tidak dapat dilihat dengan segera dan jelas berbanding dengan isu keselamatan. Walau bagaimanapun, ia akan memberi impak negatif kepada majikan dan pekerja dalam jangka masa panjang.

Statistik yang dikeluarkan oleh JKKP berkaitan kes-kes penyakit dan keracunan pekerjaan dari tahun 2005 hingga 2021 menunjukkan peningkatan berterusan kes-kes yang melibatkan isu kesihatan seperti radang paru-paru, radang kulit, masalah pendengaran, muscular skeletal disorders (MSD) dan keracunan pekerjaan. Pada tahun 2021, sebanyak 9,822 kes penyakit dan keracunan pekerjaan dilaporkan berbanding hanya 319 kes pada tahun 2005. Peningkatan paling ketara adalah pada tahun 2019 iaitu 9,860 kes berbanding hanya 7,258 kes pada tahun sebelumnya.

| Jenis Penyakit  | Bilangan Kes yang Diterima | Bilangan Kes yang Disahkan |
|---|----------------------------|----------------------------|
| <i>Occupational Noise Related Hearing Disorders (ONRHD)</i> | 7253                       | 3648                       |
| <i>Disease cause by Biological Agent</i>                    | 1987                       | 1350                       |
| <i>Occupational Muscular - Skeletal Disorders (OMSD)</i>    | 301                        | 201                        |
| <i>Occupational Poisoning</i>                               | 80                         | 43                         |
| <i>Occupational Skin Disorders (OSD)</i>                    | 67                         | 31                         |
| <i>Occupational Lung Diseases (OLD)</i>                     | 32                         | 10                         |
| <i>Disease cause by Physical Agent</i>                      | 8                          | 2                          |
| <i>Occupational Cancer</i>                                  | 4                          | 1                          |
| <i>Occupational Psychiatric Disorders</i>                   | 4                          | 1                          |
| <i>Other Occupational Diseases</i>                          | 5                          | 2                          |
| <i>Non Occupational Diseases</i>                            | 81                         | -                          |
| <b>JUMLAH</b>   | <b>9822</b>                | <b>5289</b>                |

Statistik Penyakit Dan Keracunan Pekerjaan Yang Dilaporkan Pada Tahun 2021



Trend Pelaporan dan Pengesahan Kes ONRHD bagi Tahun 2013 sehingga 2021

Sehubungan itu, bagi memastikan majikan melaksanakan pengawalan isu kebisingan efektif di tempat kerja, transformasi dalam penguatkuasaan di tempat kerja akan dilaksanakan melalui **Pelan Strategik Penguatkuasaan Peraturan Pendedahan Bising 2021-2025**.

Melalui Pelan Strategik Penguatkuasaan Peraturan Pendedahan Bising 2021-2025, terdapat tiga (3) objektif utama iaitu:

1

Mengurangkan bilangan kes baru penyakit pekerjaan berkaitan dengan pendedahan pekerja kepada kebisingan di tempat kerja di sektor pembuatan sebanyak 20% menjelang tahun 2025.

Meningkatkan tahap pematuhan peraturan pendedahan bising di tempat kerja iaitu 80% dari tempat kerja yang diperiksa mencapai sekurang-kurangnya Gred C

2

3

Meningkatkan tindakan punitif iaitu melaksanakan kes pendakwaan atau kompaun sebanyak 5% daripada tempat kerja yang mendapat Gred D dan E

Model pelan strategik yang akan dilaksanakan adalah merangkumi 4 inisiatif yang berteraskan satu tunjang utama iaitu penguatkuasaan. Inisiatif-inisiatif tersebut adalah seperti berikut:

- Transformasi Penguatkuasaan Kebisingan atau Noise Enforcement Transformation (NET)
- Penetapan Piawai Kebisingan
- Pemerkasaan Pengamal KKP
- Promosi dan Publisiti Kesedaran Bising

Model pelan strategik adalah seperti di Rajah 10.



## Penguatkuasaan Ruang Terkurung

Berdasarkan kepada siasatan yang dijalankan oleh pihak JKPP, kemalangan yang berlaku di dalam ruang terkurung adalah disebabkan kegagalan pihak majikan dalam menyediakan dan melaksanakan sistem kerja yang selamat yang diperlukan dalam menjalankan kerja di ruang terkurung. Faktor lain seperti kurangnya koordinasi dan kawalan ke atas aktiviti yang dijalankan di tempat kerja turut menyumbang kepada berlakunya kemalangan.

Selain dari faktor tersebut, JKPP juga mendapati banyak kemalangan berlaku ke atas kerja yang melibatkan sub kontraktor. Sub kontraktor yang dilantik untuk menjalankan kerja tidak mempunyai pengetahuan tentang bahaya di dalam ruang terkurung. Mereka juga tidak menyediakan prosedur kerja selamat (PKS) dan sering kali tidak dilengkapi dengan peralatan yang sesuai dan mencukupi.

### Objektif Pelan Strategik

Objektif utama pelan strategik Penguatkuasaan Bersepadu Ruang Terkurung ini:

- i. Meningkatkan tahap kesedaran majikan berkenaan ruang terkurung bagi keseluruhan industri di Malaysia sebanyak 20%; dan
- ii. Meningkatkan tahap pematuhan terhadap Tataamalan Industri Bekerja Selamat Di Dalam Ruang Terkurung 2010 (ICOP CS) sebanyak 20% menjelang tahun 2025

#### Transformasi Penguatkuasaan Ruang Terkurung

- Penguatkuasaan bersepadu ruang terkurung (SKB, SPS, SAP, SP)
- Penguatkuasaan keseluruhan pematuhan ICOP Ruang Terkurung
- Integrasi Penguatkuasaan Ruang Terkurung dalam Penguatkuasaan OSHWA dan Penguatkuasaan Tapak Bina (MyKKP)

#### Penetapan Piawaian Ruang Terkurung

- Pindaan Tatamalan Industri Bekerja Selamat di Ruang Terkurung

#### Transformasi Penguatkuasaan Ruang Terkurung

- Penyediaan bahan promosi ruang terkurung
- *Seminar Confine Space Awareness Program*
- *Road Tour ICOP Ruang Terkurung*

## Transformasi Penguatkuasaan Ruang Terkurung

- Penambahbaikan Modul Kursus Ruang Terkurung (AGTES, AESP)
- Pembangunan Modul *Confine Space Risk Assessor*
- Pemantauan kualiti Pusat Pengajar dan Tenaga Pengajar Ruang Terkurung serta AGTES
- Pembelian peralatan teknikal berkaitan ruang terkurung (RMK12: Projek 1)
- Latihan penggunaan peralatan teknikal higien industri (ruang terkurung) secara *hands-on/quick guide/video*

## Penguatkuasaan Kelengkapan Pelindung Diri Di Tempat Kerja

Kelengkapan Pelindung Diri (KPD) merupakan langkah kawalan terakhir di dalam hierarki kawalan di mana paling kurang efektif. Oleh itu, KPD yang dipakai oleh pekerja perlulah yang telah diuji dan mengikut piawaian yang ditetapkan. Sehubungan itu, kelulusan KPD merupakan salah satu kehendak dan keperluan dalam Akta Kilang dan Jentera 1967, Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya. Terdapat 7 jenis Kelengkapan Pelindung Diri (KPD) yang perlu mendapat kelulusan daripada Ketua Pengarah iaitu:

1. Pelindung kepala
2. Pelindung kaki (bahaya kimia)
3. Pelindung pendengaran
4. Pelindung mata (bahaya kimia)
5. Pelindung tangan (bahaya kimia)
6. Pelindung badan
  - i. Abah-abah keselamatan, tali hayat dan semua alat untuk pemasangan tali hayat.
  - ii. Pelindung bahaya kimia.
7. Pelindung pernafasan (bahaya kimia)



Bagi memastikan kualiti KPD yang digunakan mengikut spesifikasi yang ditetapkan, Bahagian Higien Industri telah memperkenalkan label DOSH SIRIM bagi

KPD yang telah mendapat Kelulusan Ketua Pengarah JKPP. Rekabentuk semasa label DOSH SIRIM adalah seperti Rajah 1 di bawah:



Kelebihan penggunaan label DOSH SIRIM pada KPD adalah seperti berikut:

- i** Memudahkan majikan dan pekerja mengenalpasti KPD yang diluluskan berbanding praktis sedia ada yang agak menyukarkan kerana status kelulusan KPD hanya boleh disemak melalui portal JKPP.
- ii** Meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan JKPP Negeri di tempat kerja.
- iii** Memastikan ketulenan KPD melalui peningkatan ciri-ciri keselamatan KPD seterusnya mengelakkan KPD tiruan digunakan di pasaran.
- iv** Memastikan KPD yang ada di pasaran seperti di pasar raya, kedai perkakasan (hardware) dan sebagainya telah diuji dan selamat untuk pengguna.

## Objektif

Melalui Pelan Strategik Penguatkuasaan Kelengkapan Pelindung Diri 2021- 2025, terdapat dua (2) objektif utama iaitu:

- i. Meningkatkan tahap pematuhan terhadap pemakaian kelengkapan pelindung diri yang mendapat kelulusan sebanyak 20% dari jumlah penguatkuasaan yang dijalankan di tempat kerja menjelang tahun 2025.
- ii. Meningkatkan jumlah produk KPD yang diluluskan dalam pasaran sebanyak 20% setiap tahun.

## Model Pelan Strategik

Model pelan strategik yang akan dilaksanakan adalah berteraskan empat (4) inisiatif untuk melonjakkan tahap pematuhan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan. Inisiatif-inisiatif tersebut adalah Penguatkuasaan KPD, Penetapan Piawai, Pembangunan Modal Insan dan Promosi dan Publisiti. Rajah 2 di bawah menunjukkan Model Pelan Strategik Penguatkuasaan Kelengkapan Pelindung Diri 2021-2025.




Rajah 2: Model Pelan Strategik Penguatkuasaan Kelengkapan Pelindung Diri 2021-2025

## Jumlah Model Kelengkapan Pelindungan Diri yang Diluluskan



## Statistik Kelulusan KPD




Statistik Jumlah Model KPD yang Diluluskan Sepanjang Tahun 2020-Jun 2023

## Penguatkuasaan Pengurusan Ergonomik

Tren penyakit dan keracunan pekerjaan yang diterima oleh JKKP bagi Tahun 2005 sehingga 2020 menunjukkan peningkatan berterusan setiap tahun bagi kes-kes yang melibatkan isu kesihatan seperti Occupational Noise Related Hearing Disorder (ONRHD), Occupational Muscular Skeletal Disorders (OMSD), radang kulit dan keracunan pekerjaan seperti yang ditunjukkan pada Rajah 1 di bawah. Statistik penyakit dan keracunan pekerjaan bagi kes OMSD yang diterima oleh JKKP bagi Tahun 2019 dan 2020 pula masing-masing merekodkan sebanyak 408 kes dan 237 kes. Berdasarkan data tersebut, didapati kes yang telah disahkan sebagai OMSD bagi Tahun 2019 adalah sebanyak 338 manakala sebanyak 117 kes pada Tahun 2020 (Rujuk Rajah 2). Daripada data Tahun 2020, sektor utama yang menyumbang kepada kes tertinggi penyakit OMSD adalah sektor pengilangan iaitu sebanyak 66 (56%) kes, diikuti sektor kewangan sebanyak 23 (20%) kes, sektor pengangkutan sebanyak 19 (16%) kes dan sektor kemudahan sebanyak 5 (4%) kes.

Statistik penyakit dan keracunan pekerjaan bagi kes OMSD yang diterima oleh JKKP bagi Tahun 2019 dan 2020 merekodkan sebanyak **408 kes** dan **237 kes**.



Rajah 1: Statistik Penyakit Dan Keracunan Pekerjaan Bagi Tahun 2005 – 2020

Bagi memantapkan lagi pengurusan ergonomik di tempat kerja, Jabatan telah membangunkan Pelan Strategik Penguatkuasaan Pengurusan Ergonomik 2021-2025 sebagai panduan kepada Pegawai JKPP dalam menjalankan penguatkuasaan ergonomik di tempat kerja. Pelan ini merupakan strategik dan program yang dirangka bagi melonjakkan tahap kesihatan pekerjaan terutama pengurusan ergonomik ke tahap yang lebih tinggi dan cemerlang. Tahap kesihatan pekerjaan yang cemerlang akan meningkatkan kualiti hidup pekerjaan para pekerja, menyumbang kepada peningkatan produktiviti dan seterusnya mentransformasikan tempat kerja menjadi persekitaran yang selamat dan sihat.

Pelan strategi ini memberi fokus kepada tempat kerja yang mempunyai aktiviti ergonomik. Pelan ini dibangunkan bagi meningkatkan kesedaran dan pematuhan kepada aspek ergonomik bagi mengurangkan kes penyakit dan keracunan pekerjaan akibat risiko ergonomik. Atas usaha mendokong OSHMP25, Pelan Strategik Penguatkuasaan Pengurusan Ergonomik 2021-2025 ini meletakkan visinya iaitu memperkasa amalan kerja selamat dan sihat untuk kemakmuran negara dan misinya iaitu mengukuhkan hubungan strategik pemegang taruh dalam membudayakan amalan KKP. Kerangka bagi Pelan Strategik Pengurusan Ergonomik 2021-2025 ini direncanakan dari beberapa program yang dikenalpasti dari OSHMP25. Empat (4) elemen OSHMP25.



Pelan Strategik Penguatkuasaan Pengurusan Ergonomik 2021-2025 mensasarkan dua (2) objektif utama iaitu:

- 1** 80% tempat kerja yang diperiksa mencapai tahap pematuhan perundangan ergonomik yang memuaskan.
- 2** 50% tempat kerja yang diperiksa melaksanakan penaksiran risiko ergonomik.

## Perlaksanaan SOHELP DIY

Program Systematic Occupational Health Enhancement Level Programme atau singkatannya dikenali sebagai SOHELP telah mula dilaksanakan pada Tahun 2015. Program ini dijalankan berikutan terdapatnya peningkatan pelaporan kes penyakit

pekerjaan bagi Tahun 2012-2020 berkaitan pendedahan kepada bahan kimia berbahaya kepada kesihatan, faktor risiko ergonomik dan kebisingan di tempat kerja.

Oleh itu, Jabatan telah memperkenalkan satu program pengurusan pekerjaan kesihatan yang dilaksanakan secara berperingkat, teratur dan sistematik iaitu SOHELP untuk meningkatkan tahap pengurusan higien industri di tempat kerja terutamanya dalam aspek pengurusan pendedahan bising, bahan kimia dan ergonomik. Melalui SOHELP, pematuhan perundangan berkaitan kesihatan iaitu Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pendedahan Bising) 2019, Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Penggunaan dan Standard Pendedahan Bahan Kimia Berbahaya Kepada Kesihatan) 2000 dan Garispanduan Penaksiran Risiko Ergonomik di Tempat Kerja 2017 dapat ditingkatkan. Selain daripada itu, pelaksanaan SOHELP lebih mudah untuk dilaksanakan oleh majikan dan Pengamal KKP berbanding program pengurusan kesihatan pekerjaan yang bersifat konvensional. Program ini juga dapat membantu mengubah persepsi terhadap program pengurusan higien industri di tempat kerja yang dilihat sebagai sesuatu yang kompleks dan sukar untuk dilaksanakan. SOHELP yang dirangka ini mempunyai ciri-ciri seperti berimpak tinggi, mudah dilaksanakan, menggunakan kos yang rendah, boleh dilaksanakan di semua jenis industri dan fokus kepada tempat kerja yang berisiko tinggi.

JKKP telah merangka pelan strategik yang dikenali sebagai Pelan Induk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 2020 (OSHMP 2020) di mana ianya merupakan agenda negara yang dapat menyumbang kepada pengurangan kadar kemalangan dan penyakit pekerjaan serta membantu usaha kerajaan dalam meningkatkan kualiti hidup rakyat. Melalui Strategi 4 Pengarusperdanaan Higien Industri, menunjukkan pencapaian keseluruhan adalah sebanyak 110%. Salah satu program yang dilaksanakan dibawah strategik ini adalah SOHELP.

JKKP telah merangka pelan strategik yang dikenali sebagai **Pelan Induk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 2020 (OSHMP 2020)**

Kesinambungan daripada OSHMP 2020, SOHELP DIY juga diperluaskan di dalam OSHMP 2025 melalui Teras Strategi 4, Program 4 iaitu “Memperkasa Higien Industri Ke Arah Peningkatan Kualiti Pekerjaan” bagi meningkatkan tahap pengurusan higien industri di tempat kerja.


Objektif pelaksanaan SOHELP DIY ini adalah seperti berikut:

- i. Meningkatkan tahap pematuhan perundangan berkaitan pengurusan pendedahan bising, bahan kimia dan ergonomik oleh tempat kerja dengan 30% tempat kerja yang menyertai program SOHELP DIY memperoleh Aras Pencapaian Pertengahan (3) dan ke atas.
- ii. Mengurangkan 15% bilangan kes baru penyakit pekerjaan berkaitan pendedahan bising, bahan kimia dan ergonomik oleh tempat kerja yang menyertai program SOHELP DIY.

# Penguatkuasaan Firma Yang Kompeten Dan Orang Yang Kompeten

## Statistik Permohonan OYK Agtes

Senarai Jumlah Permohonan Pendaftaran Baharu & Pembaharuan OYK Agtes Sepanjang Tahun 2020-2022



## Statistik Permohonan OYK NRA

Senarai Jumlah Permohonan Pendaftaran Baharu & Pembaharuan OYK NRA Sepanjang Tahun 2020-2022



## Statistik Permohonan OYK HT2

Senarai Jumlah Permohonan Pendaftaran Baharu & Pembaharuan OYK HT2  
Sepanjang Tahun 2020-2022




## OYK BHIE Aktif

Kemaskini sehingga 2022


| Bil               | Negeri     | AGTES       | NRA        | HT2        |
|-------------------|------------|-------------|------------|------------|
| 1                 | Terengganu | 1808        | 3          | 11         |
| 2                 | Sarawak    | 1132        | 10         | 7          |
| 3                 | Johor      | 1051        | 26         | 17         |
| 4                 | Pahang     | 952         | 5          | 1          |
| 5                 | Selangor   | 801         | 44         | 35         |
| 6                 | Sabah      | 855         | 12         | 6          |
| 7                 | Melaka     | 496         | 4          | 2          |
| 8                 | N.Sembilan | 441         | 2          | 4          |
| 9                 | Kedah      | 393         | 4          | 11         |
| 10                | Perak      | 373         | 8          | 9          |
| 11                | Labuan     | 243         | 0          | 0          |
| 12                | Penang     | 186         | 21         | 14         |
| 13                | WPKL       | 165         | 11         | 8          |
| 14                | Kelantan   | 160         | 3          | 1          |
| 15                | Perlis     | 36          | 0          | 0          |
| 16                | Putrajaya  | 16          | 2          | 0          |
| <b>Jumlah OYK</b> |            | <b>9108</b> | <b>155</b> | <b>126</b> |

## Maklumat Pusat Ujian Audiometrik yang Diluluskan




## Statistik Kelulusan Proses Pembagasan Pasir

Senarai Jumlah Permohonan Kelulusan & Pembaharuan Proses Pembagasan Pasir Sepanjang Tahun 2020-Jun 2023




# Statistik ETP Initial & Advanced Mengikut Negeri

Senarai Jumlah Ergonomics Trained Person (ETP) yang Direkodkan Tahun 2018-Jun 2023




Senarai Pusat Pengajar Kursus Ergonomik (Initial & Advanced) yang Aktif Sehingga Jun 2023




## Statistik ETP Initial & Advanced


Senarai Statistik Ergonomics Trained Person (ETP) Initial Advanced yang direkodkan untuk tahun 2020-Jun 2023




## Pusat Pengajar Ruang Terkandung Mengikut Negeri



## Pusat Pengajar Penaksir Bunyi Bising (NRA) Mengikut Negeri



## Jenis Pusat Pengajar Ruang Terkurung



# Penguatkuasaan Pengurusan Kimia

## Laporan Tahunan Aktiviti Berkaitan Konvensyen Senjata Kimia Bagi Tahun 2022

Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) merupakan salah sebuah agensi yang terlibat menguatkuasakan Akta Konvensyen Senjata Kimia 2005 (AKSK 2005). Saban tahun pelbagai aktiviti disusun oleh Pihak Berkuasa Kebangsaan Konvensyen Senjata Kimia (PBKKS), Kementerian Luar Negeri.

Berikut adalah aktiviti-aktiviti melibatkan Jabatan yang telah dijalankan sepanjang tahun 2022:

### 1. Pasukan Pengiring (Escort) Untuk Pemeriksaan Antarabangsa

Jabatan melalui Pemeriksa Kebangsaan yang dilantik memainkan peranan penting dalam memudahkan pemeriksaan antarabangsa dengan menjadi pengiring kepada pasukan pemeriksaan. Pengiring ini memastikan komunikasi dan koordinasi yang lancar antara pasukan pemeriksaan dan pihak-pihak berkepentingan yang berkaitan, membolehkan pemeriksaan yang berkesan dan meningkatkan ketelusan Malaysia dalam mematuhi Konvensyen Senjata Kimia.

| Bil | Nama Tempat Kerja  | Tarikh                               | Pegawai Terlibat   |
|-----|--|--------------------------------------|--|
| 1   | Evyap Sabun (M) Sdn Bhd<br>PLO 70, Jln Nibong 4,<br>Kawasan Perindustrian<br>Tanjung Langsat, 81700<br>Pasir Gudang, Johor | 30 Oktober 2022 –<br>1 November 2022 | 1. En. Noor Hafizie bin Sulkaflé                                 |
| 2   | Cp Manufacturing Sdn Bhd<br>746, Jalan Haji Sirat, Batu 4,<br>42100 Klang, Selangor  | 2 - 4 November 2022                  | 1. En. Noor Hafizie bin Sulkaflé<br>2. Ir. Mohd Saiful bin Idris |



## 2. Verifikasi Penggunaan Rejim Import/Eksport Bagi Bahan Kimia Toksik Yang Disenaraikan Dalam Jadual 2 Dan 3

Beberapa pemeriksa kebangsaan daripada Jabatan telah terlibat dalam menjalankan verifikasi terhadap rejim import dan eksport bagi bahan kimia toksik yang disenaraikan dalam Jadual 2 dan 3 Konvensyen Senjata Kimia. Tujuan verifikasi ini adalah untuk:

- a) Menguatkuasakan Seksyen 31 dan 35 Akta Konvensyen Senjata Kimia 2005.
- b) Pengesahan pengguna menerima dan ada membeli bahan kimia berjadual.
- c) Menjalankan verifikasi penggunaan bahan kimia berjadual dalam Jadual 2 dan 3 adalah sama seperti di dalam End-User Declaration (EUD)
- d) Menjalankan pemeriksaan kuantiti penggunaan dan material balance in-out,
- e) Menjalankan pemeriksaan kaedah pelupusan sisa (sekiranya ada).
- f) Menyemak dokumen dan daftar berkaitan.

| Bil | Nama Tempat Kerja  | Tarikh        | Pegawai Terlibat                     |
|-----|--|---------------|--------------------------------------|
| 1   | BASF Petronas Chemicals Sdn. Bhd.<br><br>Jalan Gebeng 2/1, Kawasan Perindustrian Gebeng, 26080 Kuantan, Pahang | 14 Julai 2022 | 1. En. Thavasvelvan A/L Superamaniam |



## 3. Pemeriksaan Loji Berpotensi Belum Daftar Kemudahan Rejim Bagi Bahan Kimia Organik Diskret

Pemeriksa kebangsaan daripada Jabatan juga terlibat menjalankan pemeriksaan loji berpotensi yang namun belum berdaftar bagi bahan kimia organik diskret.

Pemeriksaan ini pula bertujuan:

- a) Menguatkuasakan Seksyen 21 dan 36 Akta Konvensyen Senjata Kimia 2005.
- b) Menjalankan pemeriksaan proses loji berpotensi menggunakan bahan kimia organik diskret secara sintesis.
- c) Menjalankan pemeriksaan amaun tahunan pengeluaran bahan kimia organik diskret secara sintesis.
- d) Memberi penerangan bagi peruntukan perundangan berkaitan.
- e) Menentukan nombor bilangan loji dan Kumpulan Kod Produk bagi deklarasi.

| Bil | Nama Tempat Kerja  | Tarikh        | Pegawai Terlibat   |
|-----|--|---------------|--|
| 1   | BASF Petronas Chemicals Sdn. Bhd.<br><br>Jalan Gebeng 2/1, Kawasan Perindustrian Gebeng, 26080 Kuantan, Pahang                                 | 14 Julai 2022 | 1. En. Thavasvelvan A/L Superamaniam                         |
| 2   | FIMA BIODIESEL SDN. BHD.<br><br>Lot PT 11689, Jalan Parang, 2nd Extension, North Part, 42000 Port Klang, Selangor                              | 26 Julai 2022 | 1. Ir. Ts. Roslenda Hasan<br>2. Ts. Fauziah Kamaruddin       |
| 3   | SPC BIODIESEL SDN. BHD. & GENTING BIODIESEL SDN. BHD.<br><br>Lot 1, 22 & 23 POIC Phase 1, Jalan Kastam Baru, Mile 3 ½ 91100, Lahad Datu, Sabah | 19 Julai 2022 | 1. En. Noor Hafizie bin Sulkafle                             |
| 4   | SUPERVITAMINS SDN. BHD.<br><br>9th Mile, Jalan Kong Kong, Masai, Johor   | 26 Julai 2022 | 1. Ir. Mokhtar bin Sabtu<br>2. En. Muhammad Faisal bin Jusoh |



#### 4. Semakan Dan Pindaan Akta Konvensyen Senjata Kimia 2005 Dan Peraturan Konvensyen Senjata Kimia 2007

Akta Konvensyen Senjata Kimia 2005 (Akta 641) dan Peraturan Konvensyen Senjata Kimia 2007 masing-masing telah berkuatkuasa lebih lima belas (15) tahun. Semenjak dari penguatkuasaan Akta dan Peraturan ini, banyak perkembangan telah berlaku di dalam pembangunan dan pelaksanaan Konvensyen Senjata Kimia (KSK) termasuk berkaitan keselamatan dan ketenteraman, ekonomi dan industri serta pematuhan kepada KSK itu sendiri. PBKKSK mendapati adalah perlu untuk mengkaji serta menyemak kembali Akta 641 dan Peraturan KSK 2007 ini untuk diselaraskan dengan perkembangan semasa bagi menentukan pematuhan KSK yang lebih efisien di negara kita.

Oleh itu, satu Jawatankuasa Semakan dan Pindaan Akta Konvensyen Senjata Kimia 2005 dan Peraturan Konvensyen Senjata Kimia 2007 telah ditubuhkan bertujuan untuk mengkaji dan menyemak serta mengemaskinikan Akta 641 dan Peraturan KSK 2007 agar ia selaras dengan perkembangan pelaksanaan KSK masa kini. Seramai tiga (3) orang dari pemeriksa kebangsaan daripada Jabatan iaitu Ts. Kasman bin Nasir, En. Noor Hafizie bin Sulkafle dan Ir. Mohd Saiful bin Idris telah dilantik menganggotai Jawatankuasa tersebut berdasarkan pengalaman, kemahiran serta keterlibatan di dalam pelaksanaan KSK di Malaysia khususnya sebagai Pemeriksa Kebangsaan. Aktiviti-aktiviti semakan dan pindaan telah bermula sejak Julai 2022 dan dijangka pindaan akta dan peraturan dibentangkan di parlimen sekitar penghujung tahun 2024.



## 5. Pembangunan Senarai Semak Chemical Safety and Security Management (CSSM)

Jabatan sebagai Pengerusi Artikel XI Konvensyen Senjata Kimia telah mengambil inisiatif untuk membangunkan satu senarai semak berkaitan Chemical Safety and Security Management (CSSM). Senarai semak ini dibangunkan bersama-sama AJK Artikel XI dan Pemeriksa-pemeriksa Kebangsaan Jabatan. Beberapa aktiviti seperti Lawatan Penandaarasan ke Petronas dan Bengkel pembangunan senarai semak telah dimulakan sejak bulan Julai 2022. Senarai semak ini dijangka siap pada penghujung tahun 2023.



## 6. Mesyuarat J/K Artikel XI

Setiap tahun, Jabatan sebagai Pengerusi Artikel XI, Konvensyen Senjata Kimia akan mengadakan dan mempengerusikan mesyuarat Artikel XI. Pada tahun 2022, mesyuarat telah dijalankan pada 5 Julai 2022 di Kementerian Luar Negeri.



## 7. Kursus Konvensyen Senjata Kimia (KSK) kepada Pemeriksa Kebangsaan

Pada 21 Jun 2022, satu kursus KSK yang melibatkan Pemeriksa Kebangsaan telah diadakan di Hotel Everly, Putrajaya. Kursus ini dianjurkan oleh PBKKSJ di mana seramai lapan (8) orang pemeriksa kebangsaan telah hadir ke kursus ini.

Pelbagai sesi telah dijalankan dalam kursus ini bertujuan supaya para pemeriksa kebangsaan mendapat pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk melaksanakan pemeriksaan dan memastikan pematuhan dengan konvensyen.



## 8. Capacity building

Selain itu, beberapa pegawai daripada Jabatan ini berpeluang untuk menghadiri beberapa bengkel yang dianjurkan oleh pihak OPCW. Terdapat dua (2) bengkel yang disertai oleh pegawai-pegawai daripada Jabatan ini seperti butiran di bawah:

| Bil | Nama Program  | Tempat            | Tarikh                         | Pegawai Terlibat                  |
|-----|---|-------------------|--------------------------------|-----------------------------------|
| 1   | Workshop On Best Practices In The Development Of A Legislative And Regulatory Framework On Chemical Security Concept Note | Bangkok, Thailand | 19 Julai - 21 Julai 2022       | 1. Ir. Ts. Hazlina binti Yon      |
| 2   | The Seoul Workshop On The Peaceful Development And Use Of Chemistry For Member States Of The OPCW In The Asia Region      | Seoul, Korea      | 16 November - 18 November 2022 | 2. Ir. Hj. Mohd Hatta bin Zakaria |

# Program Hebahan Panduan Penaksiran Risiko Bahan Kimia Berbahaya Kepada Kesihatan Secara Generik 2021 Edisi Ketiga

Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) Malaysia telah membangunkan Panduan Penaksiran Risiko Bahan Kimia Berbahaya kepada Kesihatan Secara Generik 2021 Edisi Ketiga, bertujuan untuk memberikan rujukan kepada majikan yang ingin menjalankan penaksiran risiko bahan kimia berbahaya kepada kesihatan secara generik bagi mematuhi kehendak perundangan Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Penggunaan dan Standard Pendedahan Bahan Kimia Berbahaya kepada Kesihatan) 2000. Panduan yang terkini ini telah diterbitkan pada November 2021.

Bagi meningkatkan kesedaran majikan berkenaan Penaksiran Risiko Bahan Kimia Berbahaya kepada Kesihatan Secara Generik, JKKP Malaysia melalui Bahagian Pengurusan Kimia telah mengadakan program hebahan melibatkan empat (4) zon iaitu Zon Utara, Zon Timur, Zon Tengah dan Zon Borneo pada bulan Mac dan Jun 2022. Perincian program hebahan tersebut adalah seperti berikut:

| Bil           | Zon    | Lokasi Program Hebahan                      | Tarikh Hebahan | Bilangan Peserta Industri |
|---------------|--------|---|----------------|---------------------------|
| 1             | Borneo | Dalam talian                                | 10 Mac 2022    | 243                       |
| 2             | Tengah | Auditorium D8, Kompleks D, Putrajaya        | 15 Mac 2022    | 74                        |
| 3             | Timur  | Auditorium KADA, Kota Bharu (Kelantan)      | 29 Mac 2022    | 58                        |
| 4             | Utara  | Auditorium JMT1, Bukit Minyak, Pulau Pinang | 28 Jun 2022    | 109                       |
| <b>Jumlah</b> |        |   |                | <b>484</b>                |

Program hebahan yang dijalankan ini dapat memberi manfaat dan faedah seperti berikut:

- i. Dapat menyebarkan maklumat terkini khususnya berkaitan prosedur permohonan pelaksanaan penaksiran risiko bahan kimia berbahaya kepada kesihatan secara generik;
- ii. Memberi peluang kepada wakil majikan dan industri untuk berkongsi maklumat dan mendapatkan penjelasan terus daripada Jabatan berkaitan permohonan pelaksanaan penaksiran risiko bahan kimia berbahaya kepada kesihatan secara generik; dan

- iii. Meningkatkan tahap pematuhan berkaitan penaksiran risiko kesihatan seperti ketetapan di dalam perundangan Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Penggunaan dan Standard Pendedahan Bahan Kimia Berbahaya kepada Kesihatan) 2000 di samping menjimatkan kos penaksiran yang perlu ditanggung oleh majikan.

Penceramah bagi program ini adalah terdiri daripada Pengarah dan pegawai-pegawai di Bahagian Pengurusan Kimia. Program hebahan ini telah dihadiri oleh wakil-wakil majikan daripada syarikat konglomerat, institusi kewangan, francais makanan dan minuman (F&B), sektor perladangan, sektor perkilangan, syarikat gas dan minyak serta pengapit.



**Program Hebahan Panduan Generik CHRA Bagi Zon Borneo Secara Telesidang Pada 10 Mac 2022**



**Program Hebahan Panduan Generik CHRA Bagi Zon Tengah Di Auditorium D8, Kompleks D, Putrajaya Pada 15 Mac 2022**






Program Hebahan Panduan Generik CHRA Bagi Zon Utara  
Di Auditorium JMTI, Pulau Pinang Pada 28 Jun 2022



# Penguatkuasaan Kesihatan Pekerja


## Promosi Kesihatan Pekerja 2022

Bahagian Kesihatan Pekerja berperanan menguatkuasakan peruntukan perundangan berkaitan Kesihatan Pekerja di Malaysia. Selain penguatkuasaan, promosi kesihatan di kalangan majikan dan para pekerja juga merupakan teras penting bagi menggalakkan amalan kerja yang sihat dan seterusnya menghasilkan tempat kerja yang sihat serta bebas daripada penyakit pekerjaan.




Carta 1: Prestasi Doktor Kesihatan Pekerja Yang Dipantau Pada Tahun 2022

## Bilangan Pendaftaran Baru dan Komulatif OHD Berdaftar




Carta 2: Bilangan OHD Berdaftar 2009-2022

## Pelaporan Penyakit dan Keracunan Pekerjaan Mengikut Jenis Penyakit Pekerjaan Bagi Tahun 2022



Kes-kes penyakit pekerjaan yang dilaporkan kepada Bahagian Kesihatan Pekerjaan dan Seksyen Kesihatan Pekerjaan negeri disiasat untuk mengesahkan penyakit pekerjaan tersebut dan mengenal pasti kelemahan serta ketidakpatuhan di tempat kerja yang menyumbang kepada kes-kes berkenaan.

## Kes Penyakit Dan Keracunan Pekerjaan Yang Disahkan 2022



| Negeri          | MRP (Bilangan Pekerja) |
|-----------------|------------------------|
| Perak           | 16                     |
| Kedah           | 5                      |
| Pulau Pinang    | 30                     |
| Selangor        | 43                     |
| Negeri Sembilan | 16                     |
| Melaka          | 13                     |
| Johor           | 38                     |
| Pahang          | 7                      |
| Sarawak         | 45                     |
| Terengganu      | 5                      |
| Kelantan        | 3                      |
| Sabah           | 13                     |
| Kuala Lumpur    | 1                      |
| Jumlah          | 235                    |

Pengawasan Perubatan dijalankan oleh Doktor Kesihatan Pekerjaan yang dilantik oleh majikan bagi mengesan paras bahan kimia dan efek kesihatan akibat pendedahan kepada bahan kimia berbahaya kepada kesihatan di tempat kerja. Pekerja yang mempunyai keputusan abnormal akan menjalani Pemindahan Perlindungan Perubatan (Medical Removal Protection/MRP) untuk melindungi kesihatan mereka daripada memburuk akibat bahan kimia tersebut.

## Promosi Kesihatan Pekerjaan 2022

Bahagian Kesihatan Pekerjaan turut menjalankan aktiviti-aktiviti promosi kesihatan pekerjaan pada tahun 2022. Antara aktiviti yang telah dijalankan ialah Tempat Kerja Bebas Dadah (TEKAD) di JKPP. Program ini diisi dengan ceramah berkaitan dan saringan penggunaan dadah serta bahan terlarang di kalangan pekerja.

# Penguatkuasaan Keselamatan Petroleum

## Penguatkuasaan Keselamatan Petroleum

Bahagian Keselamatan Petroleum (PSD) dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan aktiviti penguatkuasaan Akta Petroleum (Langkah-langkah Keselamatan) 1984 di mana PSD berperanan sebagai peneraju dan perintis penguatkuasaan berkaitan keselamatan petroleum secara keseluruhan.

Terdapat 7 seksyen di bawah PSD.



Aktiviti penguatkuasaan yang dijalankan secara tidak langsung membolehkan pengumpulan maklumat diperolehi untuk tujuan pembangunan sesuatu perundangan seperti peraturan dan tatamalan industri berkaitan keselamatan petroleum. Ianya dapat dijalankan dengan mengambil kira risiko dan langkah-langkah pencegahan bahaya yang mungkin akan berlaku.

Aktiviti-aktiviti Bahagian PSD yang dijalankan termasuk:

- Menguatkuasa Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Kawalan Terhadap Bahaya Kemalangan Besar Dalam Perindustrian) 1996 bagi Mencegah dan mengurangkan kemalangan bahaya besar serta melindungi pekerja, orang awam, harta benda dan persekitaran.
- Memproses kelulusan peralatan petroleum.


- Pendaftaran, pembaharuan dan pemantauan Firma Yang Kompeten (FYK) iaitu pendaftaran syarikat kontraktor petroleum, pembuat, pembaikpulih dan pelayak semula (*Reconditioning & Requalification (RCRQ)*) silinder gas petroleum cecair (GPC).
- Menyemak dan memproses permohonan kebenaran memasang (*Permission to Install (PTI)*), kebenaran mengendali (*Permission to Operate (PTO)*) talian paip petroleum, menyemak dan memproses permohonan kerja-kerja berkaitan talian paip dan sistem simpanan pukal.
- Menjalankan ujian hidrostatik ke atas sistem talian paip petroleum.
- Menjalankan audit dan pemeriksaan terhadap pengurusan keselamatan talian paip dan mengeluarkan surat ulasan juga arahan penambahbaikan.
- Menjalankan audit dan pemeriksaan keselamatan dan kesihatan sistem paip simpanan pukal bersama pegawai JKPP Negeri dan mengeluarkan surat ulasan serta arahan penambahbaikan.
- Memastikan rekabentuk, pemasangan dan pengendalian bahan petroleum yang diangkut melalui air mematuhi tahap & spesifikasi minima keselamatan yang ditetapkan.
- Menjalankan audit pengiktirafan syarikat pengangkutan petroleum.
- Memproses dan melakukan pemeriksaan terhadap lanjutan atau pengecualian sijil berperakuan kelayakan (*Certificate of Fitness (CF)*).
- Audit Skim SSI (*Special Scheme of Inspection*) bagi permohonan baru & Audit Pembaharuan CF SSI selepas tempoh 75 Bulan.
- Menjalankan audit Sistem Pengurusan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan serta Sistem Pengurusan Peraturan Kendiri Luar Pantai (*Offshore Self-Regulation Management System (OSR-MS)*) di fasiliti luar pantai.

Selain itu juga, Bahagian Keselamatan Petroleum (PSD) merupakan Koordinator Ibu Pejabat (KIP) yang membuat pemantauan ke atas semua aktiviti Seksyen Risiko Khas (SRK) di semua pejabat JKPP Negeri di seluruh Malaysia. Antara aktiviti-aktiviti SRK Negeri adalah:

- Penguatkuasaan Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Kawalan Terhadap Bahaya Kemalangan Besar Dalam Perindustrian) 1996 ke atas loji pemasangan yang dikategorikan sebagai Major Hazard Installation (MHI) dan Non Major Hazard Installation (NMHI).
- Menjalankan pemeriksaan pertama dan menyaksikan ujian hidrostatik/pneumatic talian paip produk petroleum.

- Mengeluarkan surat kebenaran mengendali (*Permission to Operate* (PTO)) untuk sistem perpaipan retikulasi bagi produk gas asli dan gas petroleum cecair (GPC).
- Menjalankan pemutihan talian paip dan sistem perpaipan retikulasi yang tiada kebenaran mengendali.
- Memproses permohonan lanjutan CF dan pemeriksaan berasaskan risiko (Risk Based Inspection (RBI)) bagi jentera Skim Pemeriksaan Khas.
- Melakukan pemeriksaan ke atas tempat penyimpanan produk petroleum seperti stesen minyak dan depot/terminal.
- Siasatan dan pendakwaan di bawah Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Kawalan Terhadap Bahaya Kemalangan Besar Dalam Perindustrian) 1996 dan Akta Petroleum (Langkah-langkah Keselamatan) 1984.

Berikut merupakan pencapaian keseluruhan SRK Negeri-Negeri pada tahun 2022.



Sepanjang tahun 2022, mesyuarat pegawai-pegawai SRK Negeri bersama Bahagian Keselamatan Petroleum telah diadakan sebanyak tiga (3) kali iaitu seperti berikut:

| Bil | Perkara                              | Tarikh & Tempat                    |
|-----|--------------------------------------|------------------------------------|
| 1   | Mesyuarat SRK bersama PSD Bil.1/2022 | 12 April 2022, JKPP Putrajaya      |
| 2   | Mesyuarat SRK bersama PSD Bil.2/2022 | 20 Julai 2022, JKPP Putrajaya      |
| 3   | Mesyuarat SRK bersama PSD Bil.3/2022 | 18-19 Oktober 2022, JKPP Putrajaya |

Bahagian ini juga menjalankan pendaftaran dan pembaharuan terhadap Orang Kompeten Major Hazard (OKMH). Ini adalah berdasarkan Peraturan 13 Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Kawalan Terhadap Bahaya Kemalangan Besar Dalam Perindustrian) 1996. Peranan OKMH ini ialah memberi khidmat nasihat kepada pengilang dalam kawalan bahaya besar dalam bidang-bidang berikut:

- Dalam penyediaan laporan bertulis (laporan baru) yang mengandungi maklumat yang dinyatakan dalam Jadual 6 Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Kawalan Terhadap Bahaya Kemalangan Besar Dalam Perindustrian) 1996 untuk dihantar kepada Ketua Pengarah.
- Dalam penyediaan laporan lanjutan bertulis (laporan pengubahsuaian) yang mengambil kira pengubahsuaian kepada aktiviti industri untuk dihantar kepada Ketua Pengarah JKPP.
- Dalam penyediaan laporan lanjutan bertulis (laporan kemaskini) yang mengambil kira terutamanya pengetahuan teknikal baru yang ketara yang memberi kesan kepada butiran dalam laporan yang terdahulu yang berkaitan dengan keselamatan dan pemajuan dalam pengetahuan mengenai penilaian bahaya untuk dihantar kepada Ketua Pengarah JKPP.
- Dalam penyediaan pelan kecemasan tapak yang mencukupi yang memperincikan cara menangani kemalangan besar di tapak untuk dihantar kepada Ketua Pengarah JKPP

## Aktiviti Bahagian



1. Audit Penguatkuasaan Bahaya Besar Di Bawah Peraturan-Peraturan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (Kawalan Terhadap Bahaya Kemalangan Besar Dalam Perindustrian) 1996.



2. Menyaksikan Latihan Kecemasan Luar Tapak



3. Bengkel Penguatkuasaan Ageing Plant



4. Menyaksikan Program Sebaran Maklumat Kepada Umum



5. Menjalankan Pemeriksaan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerja (KKP) di Loji Pembotolan Gas Petroleum Cecair (GPC) di Petronas Dagangan Berhad Sepanggar Bayu LPG Terminal, Sepanggar Bayu Industri Jetty, Kota Kinabalu, Sabah

6. Menjalankan Audit Pemantauan Firma Yang Kompeten Pembaikpulih dan pelayak Semula Gas Petroleum Cecair (GPC) di Redha LPG Sdn Bhd, Tawau, Sabah





7. Menjalankan Pemeriksaan Keselamatan Dn Kesihatan Pekerja (KKP) di Loji Pembotolan Gas Petroleum Cecair (GPC) di Mygaz Sd Bhd North Klang Lpg Terminal Sdn Bhd



8. Mesyuarat Semakan Garis Panduan Pengurusan Keselamatan Dan Kesihatan Silinder Gas Petroleum Cecair (GPC) dan Pemasangan 202X





9. Sesi verifikasi data ketebalan jentera (UTTM) semasa audit Skim Pemeriksaan Khas oleh pegawai Seksyen Aset Integriti Bahagian Keselamatan Petroleum bersama pihak kontraktor NDT dan wakil industri.



10. Sesi audit OSRMS Tier 3 JX Nippon Oil & Gas Exploration Corporation (Malaysia) Limited di Pelantar Helang, Luar Pantai Sarawak



11. Sesi verifikasi ujian hidrostatik talian paip petroleum di Sapura Fabrication Sdn. Bhd, Lumut.



12. Sesi Pemantauan Pematuhan Guideline Of Floating Facilities (GOFF) menggunakan senarai semak OSHWA di Kapal FPSO Helang, Sarawak





13. Menjalankan Kerja HDD Talian Paip Petroleum Untuk Projek Tulip di Pulau Carey, Selangor.




14. Menjalankan Ujian Hidrostatik Talian Paip Petroleum Projek Kluang City Gate, STAR di Kluang, Johor.

Data taburan tempat kerja MHI dan NMHI mengikut negeri bagi tahun 2022

| Negeri          | MHI | NMHI | NTC |
|-----------------|-----|------|-----|
| Johor           | 77  | 146  | 42  |
| Kedah           | 18  | 67   | 16  |
| Kelantan        | 8   | 50   | 30  |
| Melaka          | 13  | 34   | 11  |
| Negeri Sembilan | 21  | 59   | 15  |
| Pahang          | 29  | 121  | 13  |
| Perak           | 32  | 136  | 36  |
| Perlis          | 0   | 11   | 1   |
| Pulau Pinang    | 30  | 54   | 19  |
| Sabah           | 29  | 101  | 19  |
| Sarawak         | 28  | 67   | 22  |
| Selangor        | 113 | 193  | 78  |
| Terengganu      | 28  | 44   | 8   |
| WP Kuala Lumpur | 5   | 32   | 37  |
| WP Labuan       | 7   | 14   | 29  |
| WP Putrajaya    | 1   | 0    | 0   |

Data Penguatkuasaan PSD Bagi Tahun 2022



# Penguatkuasaan Industri Kecil Sederhana Dan Sektor Bukan Kilang (BIKSSBK)

## Penguatkuasaan Industri Kecil Dan Sederhana (IKS)


### 1. Stepwise OSH Level Verification and Enhancement for Small and Medium Enterprise (SOLVE 4 SME)

Selaras dengan OSHMP 2025 dan Projek Pembangunan di Bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12), Jabatan telah memperkenalkan satu program yang bersistematik iaitu Verifikasi dan Peningkatkan Aras KKP Secara Berperingkat untuk Perusahaan Kecil dan Sederhana atau Stepwise OSH Level Verification and Enhancement for Small and Medium Enterprise (SOLVE 4 SME) untuk meningkatkan tahap pengurusan KKP di PKS. Program SOLVE 4 SME ini akan dilaksanakan selama 5 tahun iaitu dari tahun 2021 sehingga 2025 dengan menasaskan penglibatan 1,000 PKS dan 10,000 majikan dan pekerja.


Program yang telah memasuki tahun kedua pelaksanaannya dengan penglibatan sebanyak 383 syarikat PKS dari seluruh negara yang melibatkan sebanyak 25,873 majikan dan pekerja.

Pecahan syarikat PKS yang menyertai SOLVE 4 SME tersebut mengikut negeri adalah seperti rajah dan jadual berikut.

## Penyertaan Industri Di Dalam SOLVE 4 SME Tahun 2022



## Pecahan Industri dan Jumlah Pekerja Terlibat dalam Program Solve 4 SME Tahun 2022 Mengikut Negeri




Pecahan PKS yang menyertai SOLVE 4 SME dan bilangan pekerja yang terlibat pada tahun 2022 mengikut negeri.

Program SOLVE 4 SME ini terbahagi kepada 2 elemen, iaitu Pengurusan KKP dan Penambahbaikan Tempat Kerja. Setiap elemen ini mengandungi 5 aras, iaitu Aras 1 (SOLVE Basic), Aras 2 (SOLVE Bronze), Aras 3 (SOLVE Silver), Aras 4 (SOLVE Gold) dan Aras 5 (SOLVE Platinum). Salah satu daripada objektif yang ditetapkan didalam program SOLVE 4 SME ini ialah 75% tempat kerja yang menyertai program ini mendapat Aras 3 dan ke atas.

Bagi tahun 2022 ini, daripada 383 PKS yang terlibat, sebanyak 79% daripadanya telah berjaya mendapat aras 3 dan ke atas. Pecahan pencapaian adalah seperti gambarajah berikut.

## Pecahan Pencapaian PKS yang Menyertai SOLVE 4 SME Tahun 2022 Mengikuti Aras



Pecahan pencapaian PKS yang menyertai SOLVE 4 SME tahun 2022 mengikut aras

Secara keseluruhannya, rumusan pencapaian program SOLVE 4 SME ini pada tahun pertama pelaksanaannya adalah seperti gambarajah berikut.

## Rumusan Pencapaian 2022 - Program SOLVE 4 SME



**383**

Tempat kerja menyertai SOLVE 4 SME



**25,873**

Pekerja menerima manfaat dari pelaksanaan SOLVE 4 SME



Aras 5 (Platinum)

**5.7%**



Aras 4 (Gold)

**20.6%**



Aras 3 (Silver)

**52.7%**

**79%**  
Tempat kerja mendapat aras 3 dan ke atas

## 2. Standards Compliance Stewardship Programme for Enterprises (ESCAPE) bagi MS ISO 45001:2018 – Occupational Health and Safety Management Systems

Dalam meningkatkan lagi tahap keselamatan dan kesihatan pekerjaan di sektor PKS, Jabatan telah bekerjasama bersama Jabatan Standard Malaysia (JSM) dalam memberikan bimbingan dan latihan kepakaran secara percuma kepada syarikat PKS yang terpilih melalui program latihan berstruktur yang dianjurkan JSM yang dikenali sebagai *Standards Compliance Stewardship Programme for Enterprises* (ESCAPE) bagi MS ISO 45001:2018 – Occupational Health and Safety Management Systems. Melalui program ini, PKS yang terpilih akan didedahkan dengan pemahaman MS ISO 45001:2018 sebagai persediaan kearah mendapat persijilan melalui 3 fasa latihan berikut:

- i. Interpretation and Implementation
- ii. Documentation Development Training
- iii. Internal Audit

Bagi tahun 2022 ini, Jabatan telah mengenalpasti sebanyak 32 syarikat yang berpotensi untuk ke Aras 5 (SOLVE Platinum) bagi program SOLVE 4 SME untuk menyertai program ESCAPE ini. Syarikat yang dipilih ini akan melalui beberapa siri latihan yang ditetapkan oleh JSM sehingga ke proses persijilan MS ISO 45001 dilaksanakan yang mana bayaran pensijilan bagi PKS yang berjaya ini nanti akan ditanggung sepenuhnya oleh pihak PERKESO. Gambarajah berikut menunjukkan pelaksanaan program ESCAPE bagi tahun 2022.

### Program ESCAPE 2022-MS ISO 45001:2018





Peserta dari kalangan syarikat PKS bagi Program Escape untuk Zon Tengah



Sesi brainstorming di kalangan peserta Program Escape bagi pembangunan dokumen MS ISO 45001

## Penguatkuasaan Sektor Bukan Kilang (SBK)

### 1. Bengkel Penyelaras Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSH Coordinator) Bagi Sektor Awam.

- a) Biro Pendidikan Majlis Negara bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (MNKKP)

Bengkel Penyelaras Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSH Coordinator) anjuran Biro Pendidikan Majlis Negara bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (MNKKP) dan Bahagian Industri Kecil Sederhana dan Sektor Bukan Kilang (BIKSSBK) pada 25 hingga 27 Oktober 2022 bertempat di Kuching, Sarawak melibatkan seramai 30 orang peserta. Peserta adalah dari kalangan guru di institusi pendidikan di Sarawak.



Sesi perkongsian oleh penceramah bersama dengan para peserta

### b) Jabatan Tenaga Manusia (JTM)

Kursus OSH Coordinator kepada tenaga pengajar Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM) pada 14 hingga 16 Februari 2022 yang diadakan di ADTEC Shah Alam melibatkan 52 orang peserta dari kalangan ILJTM dari seluruh Malaysia



Sesi perkongsian oleh penceramah bersama dengan para peserta



c) Polis Diraja Malaysia (PDRM)

Bengkel OSH Coordinator bagi pegawai Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah diadakan sebanyak 2 sesi bertempat di Maktab PDRM pada 15 hingga 17 Ogos 2022 dan 16 hingga 18 Ogos 2022 melibatkan seramai 47 orang peserta.



Taklimat yang diberikan oleh pengajar kepada pegawai PDRM



d) Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri (JPM)


Kursus OSH Coordinator untuk Ahli Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan, Unit Perancang Ekonomi (EPU) diadakan pada 19 hingga 21 Oktober 2022 bertempat di Menara Prisma, Putrajaya



Taklimat yang diberikan oleh pengajar kepada ahli JKK EPU, JPM

## 2. Audit Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja

Audit sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja telah dijalankan bermula pada Jun sehingga Ogos 2022 melibatkan 14 tempat kerja meliputi Kementerian, Jabatan dan Agensi Kerajaan. Hasil dari audit yang dijalankan, terdapat lima (5) tempat kerja telah mendapat Gred A, lapan (8) tempat kerja mendapat Gred B dan 1 tempat kerja mendapat Gred C. Audit dijalankan oleh BIKSSBK dengan kerjasama JKKP Selangor dan JKKP WP Kuala Lumpur.



Pencapaian Audit Pematuhan KKP di Sektor Awam Bagi tahun 2022



Sesi pembukaan audit bersama Ketua Kementerian/  
Jabatan berkaitan

# Aktiviti Kejuruteraan Forensik & Siasatan Kemalangan dan Aduan

## Forensik Dan Siasatan Kes Kemalangan Dan Aduan

Siasatan merupakan element yang penting dalam menguatkuasakan undang-undang dan peraturan di bawah bidang kuasa JKPP. Siasatan amat penting untuk mengenalpasti punca kemalangan berlaku supaya langkah penambahbaikan dapat dilakukan dan seterusnya mencegah ianya dari berulang. Siasatan terhadap kemalangan dan aduan yang diterima oleh jabatan boleh dilihat sebagai kayu pengukur terhadap komitmen pihak-pihak yang tertentu dalam mematuhi perundangan dan juga kesedaran pentingnya pelaksanaan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) di tempat kerja. Hasil siasatan ini akan digunakan untuk menentukan tindakan perundangan yang sewajarnya akan dikenakan terhadap pihak yang bertanggungjawab sekiranya didapati terdapat pelanggaran terhadap peraturan di bawah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 dan Akta Kilang dan Jentera 1967. Bidang tugas yang mencabar ini, dipertanggungjawab kepada Seksyen Siasatan dan Pendakwaan (SSP) di pejabat negeri.

## Siasatan Kejuruteraan Forensik

Bagi kes kemalangan jentera yang berlaku di tempat kerja yang memerlukan kajian terperinci secara teknikal, pihak SSP berkerjasama dengan Bahagian Kejuruteraan Forensik (BKF) yang beroperasi di ibu pejabat JKPP yang sentiasa bersedia memberi khidmat kepakaran dalam aspek kejuruteraan forensik bagi mengenalpasti punca sesuatu kemalangan berlaku. BKF juga dipertanggungjawab sebagai Koordinator Ibu pejabat (KIP) SSP pejabat negeri bagi menyelaras aktiviti dan memberi khidmat nasihat kepada pegawai SSP negeri.

BKF sentiasa memastikan penyiasatan forensik dapat dimulakan dalam tempoh 36 jam selepas menerima pemberitahuan daripada pejabat JKPP negeri. Sepanjang tahun 2021, BKF telah menyiasat sebanyak 18 kes kemalangan dan daripada jumlah tersebut 55% adalah berkaitan mesin angkat, 17% adalah kes runtuh struktur, 17% kegagalan lain-lain jentera/mesin dan 11% letupan/kebakaran. Terdapat beberapa kes kemalangan berprofil tinggi yang menggemparkan orang ramai yang tular di media sosial dan mendapat perhatian masyarakat telah disiasat oleh BKF pada tahun 2022 di antaranya adalah:

**Kes Kemalangan  
Letupan dan  
Kebakaran Tangki  
Simpanan** di  
Tanjung Langsat,  
Johor



**Kes Struktur  
Perancah Runtuh**  
di Jalan Ampang  
Kuala Lumpur



**Kren Menara  
Tumbang** di  
Tapak Pembinaan  
Salak Selatan  
Kuala Lumpur



2021 **18** Kes  
kemalangan  
diasiat

**55%**  
Mesin  
angkat



**17%**  
Runtuhan  
struktur



**17%**  
Kegagalan  
jentera/  
mesin



**11%**  
Runtuhan  
struktur




## Makmal Kejuruteraan Forensik (FEL)

Makmal Kejuruteraan Forensik (FEL) kini telah di anugerahkan pensijilan akreditasi makmal **MS ISO/IEC 17025:2017** dari Jabatan Standard Malaysia (JSM). Akreditasi ini merupakan pengiktirafan yang formal di mana FEL mampu mencapai garispanduan proses kerja, aktiviti, skop dan tugas serta kualiti pengurusan makmal beroperasi dan diiktiraf standard antarabangsa. Laporan ujian yang di dihasilkan dari makmal ini mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi, berintegriti dan berkualiti agar tidak dipertikai oleh mana-mana pihak.

Hasil ujian dan analisis makmal ini akan digunakan oleh Pegawai Penyiasat untuk menentukan punca kemalangan. FEL kini telah mempunyai sebanyak 11 peralatan utama, dan mempunyai keupayaan untuk menjalankan Ujian Kekerasan, Analisis Komposisi Kimia, Analisis Fraktografi dan Analisis Mikrostruktur. FEL juga berkerjasama dengan makmal luaran yang menyediakan ujian-ujian selain yang ditawarkan oleh FEL bagi memenuhi keperluan menentukan punca sesuatu kemalangan.

## Siasatan Kes Kemalangan Dan Aduan

Secara umumnya, tahun 2022 telah merekodkan sebanyak kes 34,216 kemalangan di tempat kerja dan sebanyak 990 kes aduan yang berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan telah di siasat melalui Seksyen Siasatan dan Pendakwaan (SSP) di pejabat negeri. Daripada 34,216 kes, 317 merupakan kes kemalangan maut. Kesemua kes kemalangan yang disiasat telah dilaporkan melalui atas talian MyKKP yang disediakan oleh pihak jabatan untuk memudahkan pihak pelanggan untuk melaporkan sebarang kemalangan di tempat kerja dan menyalurkan aduan berkaitan pekerjaan.



## Perkongsian Maklumat dan Pembangunan KKP

Pelbagai bentuk penerbitan sebagai lesson learnt dan rujukan untuk pembangunan KKP kepada pegawai JKPP, industri dan pihak yang berkaitan telah direalisasikan oleh pihak BKF sebagai medium perkongsian maklumat. Pada 18 Oktober 2022 BKF telah berlangsung **Webinar Lesson Learnt From Accident 2022** yang telah diadakan menggunakan platform digital secara maya. Aktiviti ini merupakan platform di mana BKF memberi informasi serta berkongsi maklumat berkaitan kes kemalangan yang berlaku kepada pihak berkaitan supaya dapat menjadi iktibar dan pengajaran bagi mengelakkan kes yang sama berulang. Selain itu *safety alert* dan infografik KKP juga di dihasilkan oleh BKF dan boleh diperolehi melalui laman sesawang JKPP (<http://www.dosh.gov.my>) untuk rujukan pihak luar.

## Khidmat Dalam dan Luaran

Pada suku ke-4 tahun 2022, telah berlangsung **Webinar Pendakwaan 2022** yang telah diadakan menggunakan platform digital secara maya. Aktiviti ini merupakan platform di mana BKF memberi informasi serta berkongsi pengetahuan dan pengalaman pegawai penyiasat dan pegawai pendakwa berkaitan kes kemalangan yang telah disiasat agar teknik dan kemahiran pegawai dapat diperkukuh bagi menghadapi cabaran yang kian mencabar. Program ini juga turut disertai oleh Pegawai Undang-

Undang (PUU) Jabatan dalam memberi ilmu perundangan dalam aspek pendakwaan, perbicaraan dan rayuan.

Program Libat Urus (Engagement) telah diadakan bersama pihak dalaman dan pihak luar bagi mendapatkan input dan maklumbalas situasi pelbagai industri serta mendapatkan makluman mengenai cabaran halangan yang sedang dihadapi oleh pemain industri ketika ini bagi menambahbaik penguatkuasaan KKP di tempat kerja.

Bagi memastikan keperluan matrik latihan dipenuhi sama ada mengikut kehendak SPQKKP mahu pun ISO 17025, latihan-latihan ini telah dijalankan sama ada secara bersemuka atau platform secara maya. Pada tahun 2022, semua pegawai BKF telah berjaya memenuhi ketetapan-ketetapan tersebut dan juga ketetapan latihan jabatan iaitu 7 hari setahun.

## Aktiviti Pegawai Penyiasat Forensik



Pengukuran jarak antara komponen-komponen tertentu dalam mencari punca kejadian sesuatu kemalangan merupakan salah satu tugas pegawai penyiasat forensik.



Pegawai Penyiasat Forensik sedang memeriksa dan menguji komponen yang terlibat dalam kemalangan melibatkan kren menara.

Perbincangan Pegawai Penyiasat Forensik bersama pihak lain dalam siasatan kemalangan letupan tangki simpanan di tempat kejadian.



Gambar tempat kejadian diambil bagi membantu penyiasatan kejuruteraan forensik mencari punca sesuatu kemalangan yang berlaku.





Penandaan pada komponen yang terlibat dalam kemalangan runtuh di tempat kejadian



Kerjasama antara Forensik Engineering Laboratory (FEL) dengan Institut Penyelidikan Sains & Teknologi Pertahanan (STRIDE) Kajang, Selangor.



Sesi penerangan peralatan yang di gunakan semasa siasatan kejuruteraan forensik



Pegawai Penyiasat Forensik sedang memeriksa sekitar kawasan tempat kejadian bagi mengenalpasti kesan kerosakan pada tangki selepas kejadian letupan



Pemeriksaan awal retakan pada serpihan komponen bagi mengenalpasti punca sesuatu kemalangan yang berlaku.



Pengukuran jarak antara komponen-komponen elektro-mekanikal brek kren menara dalam mencari punca kemalangan berlaku.



# Aktiviti Majlis Negara bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan



MNKKP menjalankan fungsi-fungsinya dengan membincang, mengkaji, menyiasat dan seterusnya mengemukakan cadangan-cadangan kepada Menteri Sumber Manusia berkenaan dengan apa-apa perkara berhubung dengan tujuan-tujuan Akta 514 terutamanya, tetapi tanpa menjejaskan keluasan makna peruntukan Akta tersebut berkenaan dengan:-

- 1 Perubahan yang dianggapnya wajar bagi perundangan keselamatan dan kesihatan pekerjaan;
- 2 Pemajuan pentadbiran dan penguatkuasaan keselamatan dan kesihatan pekerjaan;
- 3 Penggalakan hubungan kerjasama perundingan antara pihak pengurusan dengan buruh tentang keselamatan, kesihatan dan kebajikan orang-orang yang sedang bekerja;
- 4 Masalah-masalah khusus berkenaan dengan keselamatan, kesihatan dan kebajikan pekerjaan wanita, orang-orang cacat dan golongan-golongan lain dalam masyarakat;
- 5 Penubuhan kaedah-kaedah kawalan yang mencukupi bagi kimia industri di tempat kerja;
- 6 Penganalisan statistik mengenai kematian dan kecederaan yang berhubung dengan pekerjaan;
- 7 Pengadaan kemudahan penjagaan kesihatan di tempat kerja;
- 8 Penggalakan pembangunan dan penerimapakaian melalui undang-undang tataamalan industri yang berhubung dengan keselamatan, kesihatan dan kebajikan pekerjaan; dan
- 9 Pembangunan rancangan dan kemudahan pemulihan untuk membantu orang yang cedera di tempat kerja



Hari Keselamatan Dan Kesihatan Pekerja Sedunia 2022, The Zenith Hotel Putrajaya, 28 April 2022



Konvensyen SOHELP DIY Kebangsaan 2022, Tenera Hotel Bangi, 21 Julai 2022





Kursus Penyelaras Minggu Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan  
(OSH-Coordinator) Untuk Pusat Tahfiz, Sama-sama Hotel KLIA,  
20 Ogos 2022





Majlis Pelancaran Minggu Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan 2022, Sunway Resort Selangor, 30 Jun 2022



Majlis Penutup OSH Week 2022 Dan Operasi Tapak Bina WPKL, Bloomsvale Sales Gallery, KL 29 Ogos 2022





Majlis Perasmian Minggu Kesihatan, Keselamatan & Alam Sekitar  
2022, Balai Ketibaan KL Sentral,  
25 Julai 2022



Sembang Santai  
Anugerah  
Keselamatan  
Dan Kesihatan  
Pekerjaan  
Negara 2020 &  
2021, RTM,  
12 Nov 2022



Seminar Guidelines On Management Of Occupational Noise-  
Related Hearing Disorders UIA (Kampus Kuantan) Kuantan, Pahang  
10 & 11 Ogos 2022





**LRT3** **MRCB Builders** **WCT**  
Sole Utama LRT 3 Sdn Bhd

Kami mengalu alukan kehadiran pihak JKPP  
ke Tapak Pembinaan LRT3 Station 7  
(GS02&03)

**LRT3** **WCT**

**SAFETY + FIRST**  
**UTAMAKAN KESELAMATAN**

**AWAS**  
Perhatian! Perhatikan!  
WARNING  
Lindungi Diri! Perhatikan!

- Gunakanlah alat keselamatan  
Kepala! Selalu Kenakan Helm  
Wear Safety helmet
- Gunakanlah  
kaki keselamatan  
Wear Safety boots
- Gunakanlah sarung tangan  
Wear gloves
- Gunakanlah perlindungan muka  
Wear face shield
- Gunakanlah alat  
pengaman keselamatan  
Wear Safety harness & Fall



# Aktiviti Promosi Jabatan



# Aktiviti Promosi Jabatan

Dalam usaha Jabatan untuk meningkatkan kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan dalam kalangan pekerja, majikan, dan pelanggan Jabatan; penerangan dan tunjuk ajar berkaitan dengan perundangan keselamatan dan kesihatan telah diberikan. Usaha ini dijalankan supaya semua perundangan yang berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan pekerjaan dapat difahami dan dipatuhi. Antara aktiviti promosi dan publisiti yang dijalankan oleh JKKP adalah:

1

Memberikan ceramah dan penerangan serta latihan yang berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan pekerjaan;

2

Menganjurkan kempen dan pameran yang berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan pekerjaan;

3

Memberikan ceramah dan penerangan serta latihan yang berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan pekerjaan;

4

Menganjurkan kempen dan pameran yang berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan pekerjaan;

## Pencapaian Seksyen Promosi Dan Sumber Bagi Tahun 2022


Pencapaian Seksyen Promosi Dan Sumber Bagi Tahun 2021

(Sumber Skt Seksyen Promosi Dan Sumber JKKP 2022)


Capai = 9,875






Sasaran = 8,800

## Prestasi Tahun 2021 (Keseluruhan Pejabat Negeri)



## Promosi





**Promosi melalui Saluran Facebook: doshmalaysia**


(abstracts from 2022 insights report)

**New Likes and follows: 3555**

**Page and profile visits: 80,457**

**Reach: 227,221**

**Department of Occupational Safety and Health**  
2,872 posts



**JKKP/DOSH** Edit profile

**Department of Occupational Safety and Health**  
@doshmalaysia

The official twitter of the Department of Occupational Safety and Health (DOSH) Malaysia

Automotive Putrajaya [linktr.ee/doshmalaysia](#)  
Born January 1, 1984 [Joined April 2019](#)

230 Following 1,951 Followers


**Posts** Replies Highlights Media Likes

**Department of Occupational Sa...** · Dec 13, 2022 · Promote ...


...[LAPORAN TAHUNAN]...

JKKP menerbitkan Buku Laporan Tahunan JKKP 2021 di laman web Jabatan. Pelbagai fakta, statistik terkini, sorotan aktiviti dan infografik menarik berkenaan aktiviti JKKP telah disajikan.

Klik pada pautan-  
[dosh.gov.my/index.php/down...](https://dosh.gov.my/index.php/down...)



Search



**You might like**


- Fadhina Sidek @FadhinaSidik Follow
- Hishammuddin Husse... @HishammuddinH2O Follow
- Dr. Zulkifli Mohame... @orzul\_albakri Follow

[Show more](#)

**Trends for you**

- Only on Twitter · Trending **#SwinsinBKKSRI24xENGL0T** 1.53K posts
- Trending in Malaysia **Alia** 7,790 posts
- Trending in Malaysia **#FreeBecky** 16.6K posts
- Trending in Malaysia **Ahhhh** 19.5K posts
- Only on Twitter · Trending **#Rahatreen** 85.5K posts
- Trending in Malaysia **#HongKongOpen2023** 11.7K posts
- Music · Trending **BtoB**

Promosi melalui Saluran Twitter: doshmalaysia  
Followers: 1951



Promosi melalui Saluran Youtube Channel : doshmalaysia

## Aktiviti Fizikal Promosi Sepanjang 2022

### Unit Komunikasi Korporat (UKK)

1. Hari Sukan Negara peringkat KSM dan JKPP memberi komitmen sepenuhnya sebagai mempromosi jabatan di peringkat kementerian sumber manusia

Tarikh: 15 Oktober 2022



Tuan Ketua Pengarah En. Anuar Embi Bergambar Bersama Pegawai-  
Pegawai JKPP Yang Mengambil Bahagian Dalam Program Hari Sukan  
Negara Tersebut

2. YB Datuk Haji Awang bin Hashim, Timbalan Menteri Sumber Manusia merasmikan program majlis penyerahan dokumen di antara Educity Iskandar dan DOE Training dan Consultancy bagi kerjasama membangunkan sebuah Pusat Interaktif Keselamatan Khas untuk kanak-kanak dan remaja yang pertama di Johor di bawah Teras Strategik 3, OSHMP25 Educity Johor

Tarikh: 11 Ogos 2022



Ucapan Perasmian oleh YBTM KSM

Lawatan YBTM Diiringi oleh KP JKPP ke Booth Pameran JKPP Johor



Sidang Media oleh YBTM

3. Majlis Persaraan KP Ir Zailee dihadiri bersama YB Timbalan Menteri Kementerian Sumber Manusia Di Hotel Zanith, Putrajaya yang diadakan bersekali dengan Program Berbuka Puasa bersama Pengamal Media.



Acara memotong pulut kuning oleh Ketua Pengarah JKPP di atas pentas dan disaksikan oleh YBTM dan para VIP lain dan turut dirakam oleh media yang hadir. Beliau bersara pada Mei 2022.

4. Sambutan Hari Sedunia Bagi Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Di Tempat Kerja

Tarikh : 28 April 2022



Ucapan Perasmian Oleh YBTM KSM Sempena Hari Sedunia Bagi Keselamatan Dan Kesihatan di Tempat Kerja

Sidang Media Oleh Yb Timbalan Sumber Manusia Sempena Hari Sedunia Bagi Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan di Tempat Kerja



5. Sidang Media Statistik Kemalangan Dan Penyakit Pekerjaan 2022 dan Pelancaran Minggu Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan 2022

Tarikh : 30 Jun 2022



URUSETIA yang terdiri daripada para pegawai BDAPP JKPP yang bertungkus lumus untuk program berkenaan



Antara pihak media yang hadir untuk sesi sidang media berkenaan



Sidang Media oleh YB TIMBALAN MENTERI SUMBER MANUSIA

6. Program Lawatan NGO/ IPT/ Agensi/ Syarikat ke JKPP Ibu Pejabat pada 2022

Setiap program lawatan daripada NGO/ AGENSI KERAJAAN/ INSTITUT PENGAJIAN TINGGI AWAM ATAU SWASTA/ SYARIKAT akan diuruskan oleh Unit Komunikasi Korporat JKPP untuk memastikan perjalanan program adalah lancar dan tersusun dan memuaskan hati semua pihak. Antara program yang diuruskan oleh UKK adalah seperti di bawah:

a) Lawatan daripada MSOSH (NGO) Pada 15 September 2022



Wakil daripada MSOSH mengambil peluang bergambar bersama Ketua Pengarah JKPP Malaysia selepas sesi kunjungan hormat

b) Kunjungan Hormat Barisan Pucuk Kepimpinan PDRM kepada YBr. Ketua Pengarah JKPP Malaysia

Tarikh: 11 Februari 2022



Penyampaian cenderahati oleh YBr. Ketua Pengarah JKPP, Ir Zailee kepada YBhg. CP Datuk Saiful Azly bin Haji Kamaruddin, Ketua Urus Setia KPN (Penyelidikan dan Pembangunan), Ibu Pejabat Polis Bukit Aman, Polis Diraja Malaysia

c) Daripada Fakulti Alam Bina UM

Tarikh: 22 Disember 2022



Para pelajar diberi taklimat berkenaan JKPP dan penerangan ringkas akta-akta yang dikuatkuasakan

Para Pelajar Daripada FAKULTI ALAMBINA UM Bergambar Bersama Pegawai-Pegawai Daripada BAHAGIAN KEJURUTERAAN TAPAK BINA JKPP Malaysia



7. Penglibatan Unit Komunikasi Korporat (UKK) JKPP sentiasa diharapkan bagi memastikan kehadiran pihak media di dalam program Jabatan contohnya program SOHELP-DIY 2022 pada 10 Ogos 2022



Antara pihak media yang hadir termasuk UKK KSM





Kehadiran VVIP dan VIP diiringi Pengurusan Tertinggi Jabatan

8. Malaysia Lead 2022- Integrated Asean OSHNET Programme 2022


Tarikh: 6-7 September 2022

Satu Program Untuk Mempromosi Jabatan dan KKP Di Malaysia Ke Peringkat Antarabangsa



Jurukamera UKK sentiasa bersedia untuk setiap program Jabatan sama ada secara bersemuka atau atas talian.

Di belakang tabir bagaimana program tersebut dilaksanakan secara atas talian



YBrs Ir. Ts. Dr. Majahar (Pegawai Bahagian Dasar Antarabangsa dan Pembangunan Penyelidikan) JKPP Malaysia sedang memberi ucapan secara atas talian.

- Program Selamat Pagi Malaysia RTM 1 yang dihadiri oleh Timbalan Ketua Pengarah (Kesihatan) Ir. Haji Hatta bersama CEO Pemenang OSH Award 2021 kategori sektor awam dan swasta

Tarikh: 12 November 2022



Pengarah Bahagian Dasar Antarabangsa Dan Pembangunan Penyelidikan JKKP MALAYSIA, Dr Majahar Bersama Pegawai UKK JKKP Sedang Memantau Perjalanan Program Berkenaan Di Belakang Tabir



Slot TKP (Kesihatan) bersama CEO Pemenang OSH Award kategori Sektor Awam dan Swasta sedang bersiaran langsung di dalam Rancangan Selamat Pagi Malaysia

# Kerjasama Antarabangsa





# Aktiviti Antarabangsa

Jabatan sentiasa komited untuk meneruskan usaha dalam menangani isu KKP Negara dengan meningkatkan pengetahuan dan kemahiran KKP melalui kolaborasi dan kerjasama di persada antarabangsa. Di antara penglibatan jabatan di peringkat antarabangsa adalah seperti mematuhi konvensyen-konvensyen antarabangsa yang melibatkan isu berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan, menyumbang kepakaran dalam pembangunan piawaian, latihan, pengetahuan dan pengalaman kepada negara anggota khususnya ASEAN, OIC serta negara-negara lain secara amnya. Di samping itu, jabatan juga memainkan peranan untuk mengkaji piawaian antarabangsa yang bersesuaian untuk diterapkan dalam sistem KKP negara.

Melalui sumbangan dan jaringan kerjasama di peringkat antarabangsa ini, maklumat terkini berkaitan isu-isu KKP dapat diperolehi oleh pihak jabatan serta imej Negara dalam bidang KKP dapat ditingkatkan ke tahap yang lebih tinggi.

Penularan COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan telah menyebabkan program antarabangsa tidak dapat dilaksanakan secara fizikal. Mesyuarat, program latihan dan persidangan telah dilaksanakan secara dalam talian.

## Senarai Program Antarabangsa 2022 yang Disertai oleh Pegawai Jabatan


| Bil.                | Nama Program   | Tarikh      | Penganjur                |
|---------------------|--|-------------|--------------------------|
| <b>ASEAN-OSHNET</b> |  |             |                          |
| 1                   | Building Good Regulatory Practices in ASEAN  | 27 Jan 2022 | ASEAN-OSHNET Sekretariat |
| 2                   | Workshop On Addressing Challenges Of Occupational Health In The Future Of Work   | 18 Mei 2022 | Indonesia                |
| 3                   | 1st Avenue International Conference On Foresight for Safe; Toward a Safer and More Prosperous Future   | 18 Mei 2022 | Thailand                 |
| 4                   | Fitness to Work Practices and Opportunities for Alignment  | 8 Jun 2022  | Brunei                   |
| 5                   | Workshop on OSH Awareness Information Platform for ASEAN Migrant Workers   | 2 Jun 2022  | Thailand                 |
| 6                   | Workshop on the use of modern technology in OSH inspection   | 6 Dis 2022  | Malaysia                 |
| 7                   | Mainstreaming Occupational Health: ASEAN Systematic Occupational Health Enhancement Level Programmes (SoHELP) at Workplace - Sharing Malaysian Experience in implementing High Impact Programme: SoHELP at Workplace | 6 Dis 2022  | Malaysia                 |

|                   |   |                              |            |
|-------------------|---|------------------------------|------------|
| 8                 | Conference on ASEAN National OSH Programme (National OSH Program achievement & country profile presentation)                              | 7 Dis 2022                   | Malaysia   |
| 9                 | Regular updating of national OSH policies and programmes based on the ILO Convention 187 (promotional framework for OSH) as a framework): | 7 Dis 2022                   | Malaysia   |
| <b>ILO</b>        |   |                              |            |
| 10                | Continuing Legal Education on International Labour Standards Siri Kedua   | 1 Jul – 30 Sep 2021          | ILO-ITC    |
| 11                | Continuing Legal Education on International Labour Standards Siri Keempat   | 1 Jan 2022 – 31 Mac 2022     | ILO-ITC    |
| 12                | Continuing Legal Education on International Labour Standards Siri Kelima  | 1 April 2022 – 30 Jun 2022   | ILO-ITC    |
| 13                | Continuing Legal Education on International Labour Standards Siri Keenam  | 1 Julai 2022 – 30 Sept 2022  | ILO-ITC    |
| 14                | Continuing Legal Education on International Labour Standards Siri Ketujuh   | 1 Oktober 2022 – 31 Dis 2022 | ILO-ITC    |
| 15                | ILO Technical Guidelines on General Principles of Labour Inspection   | 26 April 2022                | ILO-ITC    |
| <b>OIC-OSHNET</b> |   |                              |            |
| 16                | Workshop on “Global Trends on Maintaining OSH Culture”  | 30 Mac – 31 Mac 2022         | SESRIC OIC |
| 17                | Training Course on “Occupational Zoonoses”  | 21 Jun – 22 Jun 2022         | SESRIC OIC |
| 18                | Labour Inspection on SMEs and Informal Sector   | 8 Mac 2022                   | Malaysia   |
| 19                | Sharing Best Practices and Models on the Application of OSH   | 9 Mac – 10 Mac 2022          | Malaysia   |
| <b>OPCW</b>       |   |                              |            |
| 20                | Workshop On Best Practices In The Development Of A Legislative And Regulatory Framework On Chemical Security Concept Note                 | 19 Julai – 21 Julai 2022     |            |
| 21                | Occupational Safety and Health Management For Asian Countries   | 5 Sept – 9 Sept 2022         | Malaysia   |

## Gambar-Gambar Program Antarabangsa



Gambar 1: MALYSIA LEAD: Integrated ASEAN-OSHNET Programme 2022



Gambar 2: MALYSIA LEAD: Integrated ASEAN-OSHNET Programme 2022




**Gambar 3:** Lawatan kerja Bersama delegasi Ministry of Industries, Bangladesh ke Mechmar Boilers Sdn Bhd



**Gambar 4:** "Workshop and Documentation of Best Practices on OSH in SMEs and Informal Economy Among Asean Member States" pada 17 hingga 18 Oktober 2022 di Siem Reap, Kemboja.



**Gambar 5:** “Workshop and Documentation of Best Practices on OSH in SMEs and Informal Economy Among Asean Member States” pada 17 hingga 18 Oktober 2022 di Siem Reap, Kemboja.



**Gambar 6:** Online Occupational Safety and Health Management for Asian Countries, Third Country Training Programme (TCTP) 5 - 9 September 2022



**Gambar 7:** *Online Occupational Safety and Health Management for Asian Countries, Third Country Training Programme (TCTP) 5 – 9 September 2022*

# Success Story Pejabat Negeri







## JKKP Perlis

Bengkel Program Stepwise OSH Level Verification And Enhancement For Small And Medium Enterprise (SOLVE 4 SME) di bawah Program Compliance Support untuk Perusahaan Kecil Dan Sederhana di Negeri Perlis bagi tahun 2022



Taklimat dan Dialog Pindaan Rang Undang-Undang Akta Keselamatan Dan Kesihatan Pekerja (Pindaan) 2022 Bagi Pengusaha Industri Kecil Dan Sederhana (IKS) Sektor Pertanian



Seminar Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan di bawah Program Compliance Support Kepada Kontraktor Majlis Perbandaran Kangar (MPK) Negeri Perlis Bagi Tahun 2022



Bengkel Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Industri Pembinaan (Pengurusan) Peringkat Sektor Awam di Negeri Perlis Tahun 2022 (Penilaian Risiko Peringkat Pra Pembinaan)





## JKKP Kedah

Sesi libat urus membincangkan kerjasama 2 hala diantara pemegang taruh dan JKKP Kedah bagi meningkatkan keberkesanan amalan KKP di pelbagai sektor pekerjaan tertakluk dibawah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994

6 Januari 2022, Sesi Libat Urus Pengurusan Tertinggi Bersama Telekom Malaysia



13 Mac 2022, Sesi Libat Urus Pengurusan Tertinggi Bersama NRG-SHE



20 September 2022, Sesi Libat Urus Pengurusan Tertinggi Bersama Lembaga Tabung Haji



14 Disember 2022, Sesi Libat Urus Pengurusan Tertinggi Bersama Pusat Islam UUM



## Lawatan Kerja KP, Ir Zailee Bin Dollah Ke JKPP Kedah

24 Februari 2022



Lawatan Kerja Ketua Pengarah JKPP Malaysia, Ir Zailee Bin Dollah ke JKPP Kedah sekaligus merasmikan Hari Bekerja Tanpa Kecederaan 1.6 Juta Jam.



## SOLVE 4 SME (OSH Compliance Support sektor IKS Negeri Kedah)



## SOHELP 2022 20 April 2022



## OSH Week 2022 Peringkat Negeri Kedah





## JKPP Perak

Seminar dan Majlis Pelancaran Sambutan Minggu Keselamatan Dan Kesihatan Pekerja Peringkat Negeri Perak 2022



Sambutan Minggu Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Peringkat Majlis Bandaraya Ipoh 2022



## Program Solve 4 SME



## Taklimat Bersama Pemilik Lif di Negeri Perak





# JKPP Pulau Pinang

## 1. Webinar KKP - Pembangunan Ekosistem Teknologi Dalam KKP

Tarikh: 24 Mac 2022

Tempat: Universiti Utara Malaysia, Sintok Kedah



## 2. Webinar KKP - Inovasi Teknologi Tingkatkan KKP

Tarikh: 21 Julai 2022

Tempat: JKPP Pulau Pinang



3. Program Pemeriksaan Bersepadu Projek “PROPOSED SCHEDULE DETAILED INSPECTION OF STAYED CABLE AT FOUR (4) PYLONS, SECTION N6. PENANG BRIDGE”

Tarikh: 7 April 2022

Tempat: Jambatan Pulau Pinang



4. TNB Gelugor Safety Day

Tarikh: 15 Julai 2022

Tempat: Tenaga Nasional Berhad, Power Generation Gelugor, Pulau Pinang



5. Malaysian Society For Occupational Safety & Health (MSOS) TownHall

**Tarikh:** 23 Julai 2022

**Tempat:** Dewan Kuliah Politeknik Seberang Prai



6. Program Kesedaran Dan Amalan KKP Dalam Perkhidmatan P-Hailing

**Tarikh:** 16 Ogos 2022

**Tempat:** Gurney Plaza, Pulau Pinang





Minggu Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan Negara atau OSHWEEK adalah satu acara tahunan yang disambut pada minggu kedua bulan Julai setiap tahun. Ia diadakan susulan daripada kelulusan dan arahan Kabinet pada 24 Mei 2006.

Pada tahun 2022, sambutan telah dilancarkan pada 4 Julai 2022. Antara program yang dijalankan ialah Kempen Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan peringkat Negeri Melaka dimana perasmianya telah disempurnakan oleh YB. Tuan Ngwe Hee Sem; Exco Perpaduan, Penerangan, Sumber Manusia dan Hal Ehwal Pengguna Negeri Melaka. Sambutan yang telah diadakan di salah satu tapak projek China Construction Engineering (S.E.A) Malaysia Sdn. Bhd. ini merupakan salah satu usaha kerajaan untuk menghebahkan maklumat

terkini berkaitan isu-isu Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan kepada majikan dan pekerja dalam mengamalkan budaya kerja selamat dan sihat di tempat kerja mereka.

Pada 28 Julai 2022, Seminar KKP telah selamat disempurnakan oleh Ybrs. Tuan Mohd Anuar Embi, Ketua Pengarah JKPP Malaysia dimana ianya merupakan penutup kemuncak program OSHWEEK bagi tahun 2022 peringkat negeri Melaka. Seminar ini adalah anuran bersama Safety Profesional Association Malaysia (SPAM) telah dihadiri seramai 180 orang peserta.

Kempen ini juga diharap akan dapat memberikan kesedaran kepada semua pihak yang terlibat secara langsung mengenai kepentingan pencegahan kemalangan dan penyakit pekerjaan di tempat kerja.





## JKKP Selangor


1. Program Kesedaran Keselamatan Dan Kesihatan Pekerja Di Kalangan Pekerja Industri Lif Dan Majlis Penutup Dan Penyampaian Sijil Minggu Keselamatan Dan Kesihatan Pekerja Peringkat Negeri Selangor 2022



2. Sesi Bual Bicara Bagi Program Malaysia Hari Ini (MHI) Susulan Terdapat Kes Kemalangan Yang Tular Berhubung Dua Orang Kanak-Kanak Tercampak Dari Satu Permainan Dikenali Sebagai 'Sotong Ride'

**Tarikh :** 19 Disember 2022

**Tempat :** Studio B, Seri Pentas Sistem Televisyen Malaysia Berhad (TV3)



3. Libat Urus Bersama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Berkaitan Isu Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) Di Bawah Skop PBT Yang Merangkumi Perlesenan, Industri Bahaya Besar, Pemantauan KKP Kepada Kontraktor, Dan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) Di Setiap Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)

**Tarikh:** 25hb Oktober 2022

**Lokasi:** Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB)






## JKKP WPKL

### 1. OPS Sedar Tapak Bina 2022

Tarikh: 11 Januari 2022

Tempat: Tapak Bina Sekitar WPKL



### 2. Lawatan Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Ir Dr Wee Ka Siong ke Stesen LRT Ampang Park bagi meninjau isu viral berkaitan penutupan lif dan eskalator

Tarikh: 22 Mei 2022

Tempat: Stesen LRT Ampang Park



### 3. Minggu Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar Prasarana Malaysia Berhad 2022

**Tarikh:** 25 Julai 2022

**Tempat:** KL Sentral



### 4. Majlis Penutup OSH Week Peringkat WPKL & Operasi Tapak Bina Peringkat Kebangsaan 2022 oleh Timbalan Menteri Sumber Manusia, YB Datuk Haji Awang bin Hashim

**Tarikh:** 29 Ogos 2022

**Tempat:** Bloomsvale Sales Gallery, Kuala Lumpur





## JKKP Negeri Sembilan

### 1. Bengkel Pengurusan Kesihatan dan Higien Industri kepada IKS Negeri Sembilan

**Tarikh:** 8 Jun 2022

**Tempat:** Grand Lexis, Port Dickson



2. Program Kesedaran dan Amalan KKP dalam Perkhidmatan P-Hailing Zon Selatan

**Tarikh:** 19 Julai 2022

**Tempat:** Kompleks Beli-belah Terminal 1, Seremban



3. Bengkel Upskilling Pemantapan JKK dan Pengurusan Kemalangan di Tempat Kerja kepada IKS Negeri Sembilan

**Tarikh:** 18 Ogos 2022

**Tempat:** Tasik Villa International Resort, Port Dickson





## JKKP Terengganu

Program Kerjasama Antara JKPP Terengganu - Pengkalan Bekalan Kemaman Sdn. Bhd.



Program Pemeriksaan Tapak Bina JKKP Terengganu Bagi Projek Mega



Program Kerjasama Antara JKKP Terengganu - Kolej Vokasional Kemaman - Venator Asia Sdn. Bhd.





## JKKP Kelantan

Lawatan Pengarah JKKP Kelantan Ir.Haji Abdul Aziz Bin Salim ke Projek Pembesaran Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra Kota Bharu Kelantan

Tarikh: 16 Januari 2022



Seminar KKP kepada Persatuan Rakan Niaga Strategik (RNS) Tenaga Nasional Berhad (TNB) Sempena Sambutan Minggu KKP 2023

Tarikh: 26 Julai 2022



Program Penutup Solve 2023 Peringkat Negeri Kelantan 2022

Tarikh: 31 Oktober 2022



Operasi Bersepadu JKKP Dan Perkeso

Tarikh: 25 Mei 2022





## JKKP Sarawak

### 1. Majlis Penutupan Operasi Tapak Bina Bil.1/2022

Majlis Penutupan Operasi Operasi Tapak Bina bilangan 1 di Projek St. Peter Church, Kuching pada 1 April 2022.



2. Majlis Pelancaran Minggu Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negeri Sarawak Tahun 2022 dan Mega Toolbox Sempena Sambutan 800,000 Jam Bekerja Tanpa Kemalangan Bagi Projek Pembangunan Timi Sarawak Shell Berhad


Majlis Pelancaran Minggu Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negeri Sarawak dan Mega Toolbox bertempat di Brooke Dockyard & Engineering Works Corporation pada 1 Julai 2022.





## JKKP Sabah

Engagement Petronas 15 Mac 2022



BDNC OSH WEEK Julai 2022



## Kunjungan Hormat UMS 15 Nov 2022




## Mega Toolbox Hyundai 28 Julai 2022





## 1. Majlis Sambutan Minggu Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (OSHWEEK) 2022 Peringkat Wilayah Persekutuan Labuan



2. Taklimat AKKP 1994 (Pindaan) 2022 & AKJ 1967 (Pemansuhan) 2022 Dan Majlis Dialog Bersama Majikan dan Persatuan Industri Kecil Dan Sederhana Peringkat W.P. Labuan



Bengkel Program Stepwise OSH Level Verification And Enhancement For Small And Medium Enterprise (SOLVE 4 SME) Bagi Tahun 2022



## Ahli Jawatankuasa Buku Laporan Tahunan JKKP Tahun 2022



### **Penaung**

Ir Ts Dr Majahar bin Abd Rahman

Pengarah Bahagian Dasar Antarabangsa dan  
Pembangunan Penyelidikan



### **Pengerusi**

Siti Mariam binti Samat

Timbalan Pengarah Bahagian Dasar Antarabangsa  
dan Pembangunan Penyelidikan



### **Ketua Editor**

Hasnul Rahimy bin Kandar

### **Editor**



Mohamad Fazli  
bin Masri



Mohd Farid bin  
Mastuki



Zulkifli bin  
Abdullah



Noor Hafizie  
bin Sulkafle



### **PRO Jabatan**

Asrul bin Ahmad

## PENYELARAS IBU PEJABAT - BUKU LAPORAN TAHUNAN JKKP TAHUN 2022

| Bil | Nama                                      | Bahagian |
|-----|---|----------|
| 1   | Noor Razlianie binti Jakariah             | BKI      |
| 2   | Azhan bin Ab Majid                        | BDAPP    |
| 3   | Fakrul bin Abdullah                       | PSD      |
| 4   | Ts. Wan Mohd Fadzil Bin Wan Sapiansori    | BKTB     |
| 5   | Syahrul Nizam bin Shahrudin               | BIKSSBK  |
| 6   | Mohamad Firdaus bin Mohamad Nazri         | BHIE     |
| 7   | Ir. Mokhtar bin Sabtu                     | BPK      |
| 8   | Dr. Muhd Zafran bin Shamsudin             | BKesP    |
| 9   | Mohd Nazri bin Mat Jarid                  | BKF      |
| 10  | Mat Zawawi Bin Zakaria                    | MNKKP    |
| 11  | Nor Adela Anam Binti Mohamed Shariffuddin | BKP      |

## PENYELARAS PEJABAT NEGERI - BUKU LAPORAN TAHUNAN JKPP TAHUN 2022

| Bil | Nama                                | Bahagian        |
|-----|-------------------------------------|-----------------|
| 1   | Mohd Muzakkir b. Harun              | PERLIS          |
| 2   | Noori'zzati binti Khairussalleh     | KEDAH           |
| 3   | Nor Azzura Binti Saari              | PULAU PINANG    |
| 4   | Fazira Azita binti Abdul Rashid     | PERAK           |
| 5   | Mashitoh binti Mohamud              | SELANGOR        |
| 6   | Ku Nurfuzana binti Ku Mohamad Fauzi | WPKL            |
| 7   | Mohammad Fathi bin Halim            | NEGERI SEMBILAN |
| 8   | Fazdhley Hafiz bin A. Wahid         | MELAKA          |
| 9   | Mohammad Hafizul Bin Abdul Razak    | JOHOR           |
| 10  | Nurul Nadia Ummira Binti Abu Bakar  | PAHANG          |
| 11  | Mohd Fareed Anuar bin Mazlan        | TERENGGANU      |
| 12  | Wan Mohamad Nasir bin Wan Omar      | KELANTAN        |
| 13  | Elisa Eligius Samuel                | SABAH           |
| 14  | Ken Hensley Anak Giki               | SARAWAK         |
| 15  | Asrafi bin Ahmad                    | WP LABUAN       |
| 16  | Asrul bin Ahmad                     | UKK             |

## Konsultan



PTS FAST PUBLISH SERVICES SDN. BHD.

RAFIZA AB.RAHMAN (rafiza@pts.com.my)

MOHD. IKRAM WAZIR (ikram@pts.com.my)



**Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP)  
Kementerian Sumber Manusia, Malaysia**

Aras 1, 3, 4 & 5 Blok D4, Kompleks D,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62530, Wilayah Persekutuan, Putrajaya

 +603 8886 5000

 +603 8889 2443

 [jkkp@mohr.gov.my](mailto:jkkp@mohr.gov.my)

 [www.dosh.gov.my](http://www.dosh.gov.my)